

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 3/6 / 2010

Mewujudkan kekayaan baru UM-3/06/2010

KUALA LUMPUR 2 Jun - Malaysia hanya boleh mewujudkan kekayaan baru dalam bidang sains, teknologi dan inovasi jika rakyat negara ini membuat perubahan serta mempunyai pemikiran yang betul dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri berkata, sekiranya rakyat masih lagi menggunakan cara lama, tidak mahu perubahan dan tidak mempunyai pemikiran yang betul mereka akan menolak inovasi yang mampu mewujudkan kekayaan baru kepada negara.

"Kalau rakyat negara ini ingin mewujudkan kekayaan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi maka kita perlu berubah.

"Hanya perubahan pemikiran akan membolehkan kita melakukan inovasi di dalam pelbagai perkara dan melakukan sesuatu dengan cara lain dengan matlamat untuk mencapai kejayaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan utama pada Persidangan Antarabangsa Akademi Sains Malaysia (ASMIC) 2010 di sini hari ini.

ASMIC 2010 dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Fadilah Yusof serta turut dihadiri oleh Presiden ASM, Tan Sri Dr. Yusof Basiron dan Pengerusi ASMIC, Datuk Ir. Ahmad Zaidee Laidin.

Dr. Mahathir menegaskan, Malaysia akan mencapai keputusan yang baik sekiranya rakyat bersedia melakukan perubahan dalam pemikiran, inovasi kerana kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan negara tertinggal di belakang.

Mengenai R&D, beliau memberitahu, bidang ini memerlukan perbelanjaan dan risiko yang besar serta kemungkinan tidak akan mendapat pulangan dari pelaburan yang dibuat.

"Penyelidikan bukan bermakna ia akan memberi pulangan tetapi perlu dilaksanakan kerana pada hakikatnya lama kelamaan saintis yang membuat penyelidikan akan menemui sesuatu yang besar dan sekali gus akan memberi pulangan pelaburan baik kepada negara dan orang ramai.

"Sebab itulah syarikat-syarikat farmasi terkemuka dunia terus melakukan penyelidikan walaupun terpaksa melakukannya beratus-ratus kali untuk menemui sesuatu dan apabila ia berjaya, pulangan pelaburan itu boleh menampung kos penyelidikan yang telah dijalankan serta penyelidikan akan datang," katanya.

Sementara itu semasa ditemui kemudian, Dr. Mahathir menjelaskan bahawa dana untuk melaksanakan R&D di negara ini adalah terlalu kecil iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi hanya diberikan peruntukan RM2 bilion setahun.

Katanya, syarikat-syarikat di negara ini juga menyediakan peruntukan untuk membuat penyelidikan tetapi jumlah itu adalah terlalu kecil.

"Dibandingkan dengan syarikat Samsung yang membelanjakan lebih RM60 bilion untuk penyelidikan, oleh itu lebih banyak peruntukan perlu diberikan bagi membolehkan R&D dilaksanakan dengan lebih banyak di negara ini," katanya.

Berkaitan rombakan Kabinet yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam, Dr. Mahathir menegaskan, ia terpaksa dilaksanakan kerana pergeseran yang berlaku di dalam parti-parti komponen Barisan Nasional (BN).